



BULETIN MDPT

MAJLIS DAERAH PERAK TENGAH



PROGRAM GOTONG-ROYONG
TAMAN SERI MOLEK

Skuad ihsan
MADANI




ANNUAL DINNER

KELAB KEBAJIKAN SOSIAL DAN REKREASI MDPT



BACK TO SCHOOL

15 Januari 2025 - Kelab Kebajikan Sosial dan Rekreasi (KKSDR) MDPT telah mengadakan Majlis Jamuan Makan Malam Tahunan bertempat di Dewan Serbaguna Seri Iskandar mulai jam 8.00 malam. Majlis dimulakan dengan ucapan daripada Encik Ahmad Mizuan bin Ahamad Tekmezi, Timbalan Pengerusi KKSDR yang baharu bagi sesi 2025-2026. Majlis Jamuan Makan Malam ini bertemakan "Back to School"



MESYUARAT AGONG KELAB KEBAJIKAN SOSIAL DAN REKREASI (KKSDR) KALI KE-6



15 Januari 2025 – Mesyuarat Agung Kelab Kebajikan Sosial dan Rekreasi (KKSDR) Majlis Daerah Perak Tengah (MDPT) telah diadakan dengan jayanya di Bilik Seminar Dewan Serbaguna Seri Iskandar. Mesyuarat ini dimulakan dengan ucapan aluan oleh Encik Mohd Ainurridha bin Ahmad Majdi, selaku Pengerusi Kelab KKSDR, yang menzahirkan penghargaan kepada semua ahli kelab atas komitmen dan kerjasama yang diberikan sepanjang tahun 2024.

Mesyuarat seterusnya dirasmikan oleh Yang Dipertua MDPT, Puan Zairina binti Noordin, yang juga penasihat kelab KKSDR. Dalam ucapan perasmianya, beliau merakamkan ucapan tahniah kepada barisan kepimpinan kelab atas usaha berterusan menganjurkan pelbagai program berbentuk kebajikan, sosial dan sukan sepanjang tahun. Beliau turut menyeru agar kelab terus menjadi platform untuk memupuk kesejahteraan mental dan fizikal warga kerja, di samping memperkukuh semangat kekeluargaan dalam organisasi.



HARI TERBUKA




20 Januari 2025 – Majlis Daerah Perak Tengah (MDPT) telah dijemput untuk membuka kaunter bayaran cukai taksiran, kaunter aduan perkhidmatan MDPT, serta kaunteredaran risalah pelancongan Daerah Perak Tengah sempena Program yang diadakan di Dewan Besar FELCRA Berhad Seberang Perak.

Penyertaan MDPT dalam program ini bertujuan untuk mendekatkan perkhidmatan majlis kepada masyarakat setempat, di samping memberi peluang kepada penduduk untuk membuat bayaran cukai taksiran dengan lebih mudah dan cepat. Melalui kaunter aduan yang dibuka, pengunjung juga dapat menyalurkan sebarang maklum balas, cadangan atau aduan berkaitan perkhidmatan majlis secara terus kepada pegawai bertugas.

Selain itu, pengedaran risalah pelancongan turut dijalankan bagi memperkenalkan destinasi menarik serta produk pelancongan yang terdapat di sekitar Daerah Perak Tengah, sejajar dengan usaha mempromosikan daerah ini sebagai destinasi pelancongan pilihan di Negeri Perak.





Skuad *ihsan* **MADANI**

PROGRAM GOTONG-ROYONG TAMAN SERI MOLEK



5 Februari 2025- MDPT bersama Ahli Majlis, Zon 1 Clr Mohd Amin bin Abdul Hadi telah menganjurkan program gotong royong komuniti Taman Seri Molek, Bota. Objektif program ini adalah untuk membersihkan kawasan perumahan terutamanya lorong belakang rumah

Program gotong-royong tersebut telah mendapat kerjasama Jabatan Perancangan Pembangunan, Jabatan Kesihatan Awam dan Perkhidmatan Perbandaran, Skuad Ihsan Madani MDPT, Pengerusi JP KK serta komuniti taman tersebut.



PEMANTAUAN KEBERSIHAN

Bazar Ramadhan



Program pemantauan sebegini akan dilaksanakan secara berterusan sepanjang bulan Ramadan di beberapa lokasi lain dalam kawasan pentadbiran MDPT bagi memastikan persekitaran yang bersih, selamat dan kondusif untuk para pengunjung serta peniaga.



3 Mac 2025 – Jabatan Perkhidmatan Perbandaran, Kesihatan Awam dan Pelesenan Majlis Daerah Perak Tengah (MDPT) telah melaksanakan pemantauan kebersihan di Bazar Ramadan Parit sebagai langkah proaktif memastikan tahap kebersihan dan keselamatan makanan berada pada tahap terbaik sepanjang bulan Ramadan.

Pemantauan ini merangkumi pemeriksaan terhadap pengambilan suntikan vaksin tifoid oleh para peniaga dan pekerja bazar, pemeriksaan kebersihan kawasan perniagaan, serta pemantauan aspek penyediaan dan pengendalian makanan bagi memastikan pematuhan kepada peraturan kesihatan awam yang ditetapkan.

Tindakan ini bertujuan untuk menjamin keselamatan makanan yang dijual kepada orang ramai, selain mendidik peniaga tentang kepentingan amalan kebersihan dan kesihatan dalam operasi harian mereka.



PEMANTAUAN KEBERSIHAN BAZAR RAMADAN SERI ISKANDAR BUSINESS CENTRE (SIBC)



10 Mac 2025 - Jabatan Perkhidmatan, Perbandaran, Kesihatan awam dan Pelesenan MDPT telah menjalankan pemantauan kebersihan di Bazar Ramadan SIBC. Pemantauan yang dilakukan meliputi pemeriksaan terhadap pengambilan suntikan vaksin tifoid, pemeriksaan kebersihan dan keselamatan makanan dikalangan peniaga dan pekerja Bazar Ramadan.

Pemantauan ini adalah bagi memastikan makanan yang dijual kepada pengunjung bazar ramadan mematuhi standard kebersihan dan keselamatan makanan yang telah ditetapkan. Selain itu, memastikan pemegang lesen Bazar Ramadan mematuhi syarat asal permohonan lesen yang telah diluluskan tanpa melakukan sebarang bentuk pemindahan hak milik atau penjualan semula kepada pihak lain.



PELUNCURAN (OPS) RAMADAN



6 Mac 2025 - Jabatan Kesihatan Negeri Perak dengan kerjasama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) mengadakan Operasi (OPS) Keselamatan Makanan sempena bulan Ramadan diseluruh Negeri Perak sebagai acara tahunan. Peluncuran Operasi (OPS) Ramadan Negeri Perak bagi tahun 2025 telah dirasmikan oleh YB Tuan Sivanesan A/L Achalingam, Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Sumber Manusia, Integrasi Nasional dan Hal Ehwal Masyarakat India.



Operasi ini bertujuan untuk memperkasa amalan baik dan pengetahuan pengusaha makanan di bazar Ramadan di seluruh Negeri Perak agar sentiasa mematuhi elemen kebersihan dan keselamatan makanan serta menjual makanan yang bersih dan selamat kepada orang aw



PROGRAM MEMASAK & PENYERAHAN BUBUR LAMBUK KELAB KEBAJIKAN SOSIAL DAN REKREASI (KKSDR) MDPT SEMPENA RAMADAN 2025

20 Mac 2025 – Program memasak Bubur Lambuk anjuran Kelab Kebajikan Sosial dan Rekreasi (KKSDR) MDPT telah diadakan dengan penuh semangat kekitaan dan kerjasama. Program tahunan ini diadakan sempena bulan Ramadan sebagai salah satu aktiviti tradisi kelab bagi menyemarakkan suasana ibadah dan mengeratkan hubungan silaturahim antara kakitangan Majlis Daerah Perak Tengah. Aktiviti memasak dijalankan secara gotong-royong melibatkan penyertaan pelbagai jabatan dan bahagian, yang masing-masing memainkan peranan dalam penyediaan bahan, memasak serta pembungkusan bubur lambuk. Semangat kebersamaan dan kerja berpasukan yang ditonjolkan mencerminkan budaya organisasi yang harmoni dan prihatin.



Sebanyak 350 pek bubur lambuk telah siap dimasak dan diagihkan kepada warga kerja MDPT serta masyarakat setempat sebagai tanda penghargaan dan semangat kebajikan. Program ini bukan sahaja mengeratkan hubungan sesama warga majlis, tetapi turut memperkukuh nilai keprihatinan serta semangat Malaysia MADANI dalam kalangan penjawat awam MDPT.





PENYERAHAN TONG KITAR SEMULA SEMPENA PENGANJURAN PROGRAM E-WASTE DAN KITAR SEMULA

14 Mac 2025 (Jumaat) – Majlis Penyerahan Tong Kitar Semula kepada sekolah rendah dan menengah di daerah Perak Tengah telah diadakan di Bilik Seminar, Dewan Serbaguna Seri Iskandar.

Program ini telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Encik Khairudin bin Haji Abu Hanipah, Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Pengajian Tinggi, Belia dan Sukan Negeri Perak.





PROGRAM SANTUNAN RAMADAN 1446H/2025 YAYASAN AMAL ASAS DAN KKSADR



21 Mac 2025 - Program Santunan Ramadan 1446H/2025 oleh Yayasan Amal Asas bersama Kelab Kebajikan Sosial dan Rekreasi (KKSADR) MDPT telah diadakan di Bilik Seminar Dewan Serbaguna Seri Iskandar. Yayasan Amal Asas Negeri Perak telah diwakili oleh Yang Berbahagia Dato' Haji Mohd Ghazali Bin Jalal, Yang Berbahagia Dato Abdul Halim Bin Ahmad dan Yang berusaha Tuan Haji Mad Isa Ramli.

SESI PERJUMPAAN BERSAMA PENYEWA-PENYEWA MYKIOSK



20 Mac 2025 bertempat di Bilik Gerakan Pejabat Daerah dan Tanah Kampong Gajah telah diadakan sesi perjumpaan dan perbincangan dengan penyewa-penyewa MyKiosk @ KPKT Jalan Anjang Pelita, Kampong Gajah.

Perjumpaan dan perbincangan ini telah dipengerusikan oleh Yang Dipertua Majlis Daerah Perak Tengah. Turut hadir Clr. Nasrun Nasir, serta ketua-ketua jabatan berkaitan.

Pada sesi petang pula, team Unit Sewaan & Jabatan Kejuruteraan telah membuat sesi demonstrasi dan penerangan penggunaan MyKiosk kepada penyewa-penyewa di Taman Parit Wira, Parit.



MAJLIS BACAAN YASSIN & CERAMAH IHYA' RAMADHAN 2025



28 Mac 2025 (Jumaat) - Majlis Bacaan Yassin, Perhimpunan Anggota Majlis Daerah Perak Tengah Bil.3/2025, dan Ceramah Ihya' Ramadhan 2025 telah diadakan di Bilik Seminar, Dewan Serbaguna Seri Iskandar.

Ceramah telah disampaikan oleh A.F. Ustaz Syed Mohd Muzaffar bin Syed Azlan. Sesi ini bertujuan untuk memberikan manfaat dan pengajaran yang sangat berharga, memperkukuhkan ukhuwah dan meningkatkan keimanan kita dalam menghayati keberkatan bulan Ramadhan.



ANUGERAH

PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) TAHUN 2024 DAN MAJLIS JASAMU DIKENANG

30 April 2025 – Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) dan Anugerah Terampil Tahun 2024 bagi Majlis Daerah Perak Tengah (MDPT) telah diadakan dengan penuh gilang-gemilang bertempat di Hotel Impiana, Ipoh, Perak Darul Ridzuan.

Majlis berprestij ini telah dirasmikan oleh YB Tuan Khairudin bin Abu Hanipah, Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi, Belia dan Sukan Negeri Perak merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Belanja. Kehadiran beliau menyerikan lagi suasana majlis yang diadakan bagi menghargai jasa dan sumbangan warga kerja MDPT yang menunjukkan prestasi cemerlang sepanjang tahun 2024.

Pada tahun ini, seramai 8 orang penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2024 telah diraikan sebagai tanda pengiktirafan atas dedikasi, komitmen dan prestasi kerja yang tinggi dalam melaksanakan tanggungjawab mereka. Selain itu, 10 orang penerima Anugerah Terampil 2024 turut menerima penghargaan atas kecekapan, disiplin serta keterampilan mereka dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada masyarakat.

Majlis ini turut diisi dengan ucapan penghargaan daripada pihak pengurusan tertinggi MDPT, penyampaian sijil serta cenderamata kepada penerima anugerah, diikuti dengan sesi bergambar dan jamuan makan malam.





LAWATAN NAZIRAN BAHAGIAN KERAJAAN TEMPATAN PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERAK KE MDPT



20 Mei 2025 – Lawatan Naziran oleh Bahagian Kerajaan Tempatan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak telah diadakan pada tarikh ini dengan tujuan untuk menilai pelaksanaan serta kemajuan projek-projek yang dijalankan di bawah pentadbiran Majlis Daerah Perak Tengah (MDPT). Lawatan ini diketuai oleh Setiausaha Bahagian, Bahagian Kerajaan Tempatan bersama beberapa pegawai kanan jabatan berkenaan. Delegasi tersebut telah melawat beberapa lokasi terpilih yang disenaraikan bagi tujuan pemantauan dan penilaian menyeluruh terhadap pelaksanaan projek pembangunan fizikal dan kemudahan awam di kawasan pentadbiran MDPT. Objektif utama lawatan ini adalah untuk memastikan setiap projek dilaksanakan mengikut spesifikasi, peraturan dan pekeliling semasa yang berkuat kuasa, selain menilai keberkesanan pelaksanaan projek dari aspek kualiti, ketelusan dan impak kepada masyarakat setempat.





KUNJUNGAN DELIGASI DARIPADA PANEL PENARAFAN BINTANG AUDIT TEKNIKAL (PBAT) KESIHATAN PERSEKITARAN.



22 Mei 2025 – Majlis Daerah Perak Tengah (MDPT) telah menerima kunjungan delegasi Panel Penarafan Bintang Audit Teknikal (PBAT) Kesihatan Persekitaran. Lawatan ini diadakan bagi menilai tahap pematuhan, kecekapan serta kecemerlangan pengurusan kesihatan persekitaran yang dilaksanakan oleh pihak majlis.

Delegasi PBAT yang hadir terdiri daripada pegawai-pegawai profesional dalam bidang kesihatan persekitaran dari pelbagai agensi, yang menjalankan penilaian menyeluruh terhadap aspek pengurusan kebersihan bandar, kawalan vektor, pengurusan sisa pepejal, pemantauan premis makanan serta keberkesanan pelaksanaan program kesihatan awam di bawah seliaan MDPT. Sepanjang sesi penilaian, pihak majlis turut membentangkan laporan prestasi serta inisiatif-inisiatif penambahbaikan yang telah dilaksanakan bagi memastikan perkhidmatan kesihatan persekitaran sentiasa berada pada tahap terbaik. Turut diadakan sesi lawatan ke lapangan bagi menilai pelaksanaan sebenar di lokasi-lokasi tumpuan.



KURSUS ETIKET PAKAIAN DAN PENAMPILAN PEGAWAI AWAM



30 Mei 2025 – Majlis Daerah Perak Tengah (MDPT) telah menganjurkan Kursus Etiket Pakaian dan Penampilan Pegawai Awam Fasa 1, bertujuan meningkatkan imej, kredibiliti serta profesionalisme warga kerja dalam melaksanakan tugas seharian sebagai penjawat awam.



Kursus ini dilaksanakan selaras dengan garis panduan yang terkandung dalam Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (MYPPSM) Ceraian UP.7.2.3 – Etiket Pakaian dan Penampilan Pegawai Awam, yang menekankan kepentingan berpenampilan kemas, sopan dan sesuai dengan norma perkhidmatan awam.



Sesi kursus ini telah disampaikan oleh Encik Muhamad Faiz bin Mohd Saad, Penolong Pengarah Belanjawan, Unit Perancang Ekonomi Negeri Perak (UPEN), yang berkongsi panduan dan tips penampilan diri merangkumi aspek etika berpakaian, komunikasi bukan lisan, serta pembentukan imej korporat yang positif di tempat kerja.



BULETIN MDPT

MAJLIS DAERAH PERAK TENGAH

